

## PENULISAN KARYA SENI LAGU AL-QURAN DI MALAYSIA DAN INDONESIA

### QURANIC ART SONG WRITING IN MALAYSIA AND INDONESIA

Mohd Zaini Zakaria<sup>i</sup>, Mohd Yusuf Ismail<sup>ii</sup>, Muhammad Lukman Ibrahim<sup>iii</sup> & Sidek Ariffin<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.  
zaini@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. yusufismail@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Malaya.

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Malaya.

---

#### Abstrak

Seni lagu lagu al-Quran merupakan satu ilmu kaedah seni suara yang mengaplikasikan nada, rentak dan irama dalam pembacaan al-Quran. Perkembangan ilmu ini khususnya di Nusantara berdasarkan kepada peranan utama para qari dan qariah serta penghasilan karya-karya ilmiah dalam disiplin ilmu ini sebagai warisan ketamadunan umat Islam. Artikel ini akan memfokuskan terhadap beberapa penulisan yang berkaitan dengan seni lagu al-Quran khususnya di Malaysia dan Indonesia berdasarkan kepada gaya penulisan karya tersebut. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen terhadap karya-karya penulisan seni lagu al-Quran di Malaysia dan Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa karya-karya penulisan seni lagu al-Quran ini banyak membantu pencinta-pencinta al-Quran untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang ilmu ini.

Katakunci: Karya, seni, lagu, al-Quran, Nusantara.

---

#### Abstract

Quranic art song is a knowledge that applies the method of singing tone, tempo and rhythm in reading the Quran. The development of this knowledge, particularly in Malay archipelago, was based on the central role of the qari and qariah and production of scientific papers in these disciplines which constitute civilizational heritage of Muslims. This article will focus on some books related to the art song of the Quran, especially in Malaysia and Indonesia based on the writing style of the books. This article applies qualitative method through analysis of documents to the works of Quranic art song in Malaysia and Indonesia. The results showed that the works of Quranic art song have helped lovers of the Quran to find out more about this knowledge.

Keywords: Work, art, song, al-Quran, archipelago.

---

#### PENDAHULUAN

Seni lagu al-Quran telah lama bertapak di Kepulauan Melayu selaras dengan kemasukan agama Islam di Nusantara di mana pengajian al-Quran telah bermula lebih kurang 500 tahun yang lalu. Hal demikian dapat dilihat dengan tertubuhnya pusat-pusat pengajian al-Quran dirumah-rumah serta pondok-pondok di rantau Nusantara khususnya di Tanah Melayu. Ini berdasarkan kedatangan para mubaligh Islam dari Timur Tengah serta kepulangan para lulusan yang belajar di Mekah dan Madinah untuk mengajar al-Quran kepada penduduk setempat.

Selain itu peranan besar yang dimainkan oleh qari dan qariah merupakan faktor utama perkembangan seni lagu di Nusantara khususnya di Malaysia dan Indonesia. Di Malaysia misalnya terdapat nama-nama yang masyhur seperti:

- i. Muhammad Yusof Kedondong dari Kelantan.
- ii. Haji Muhammad (Mat Lintar) dari Terengganu.

- iii. Haji Muhammad Ribat dari Kedah.
- iv. Haji Sulaiman dari Johor.
- v. Haji Khalid dari Selangor.
- vi. Muhyiddin (Datuk Canai Intan) dari Perak (Mohd 'Ali Bin Abu Bakar, 1997).

Menerusi peranan para qari inilah masyarakat dapat mengenali serta mempelajari pembacaan al-Quran dengan baik serta berkesan dari sudut sebutan lajih arab terhadap sesuatu kalimah. Mereka ini akan memperdegarkan bacaan yang baik dan disertai dengan seni lagu arab dalam sesuatu majlis khatam al-Quran, kenduri kahwin, perayaan yang berkaitan dengan keagamaan serta proses pengajaran al-Quran kepada masyarakat.

Pada awal abad ke 20, seni lagu al-Quran telah berkembang begitu pesat sekali di Indonesia dengan aliran lagu-lagu Hijazi di mana telah melahirkan ramai tokoh-tokoh qari seperti K.H. Arwani, K.H. Sya'roni, K.H. Munawir, K.H. Abdul Qadir, K.H. Damhuri dan ramai lagi. Hal demikian berkemungkinan memberi impak kepada dalam perkembangan seni lagu al-Quran (Lembaga Bahasa Dan Ilmu Al-Quran (LBIQ), 1987).

### **PERKEMBANGAN PENULISAN SENI LAGU AL-QURAN DI NUSANTARA**

Penulisan seni lagu al-Quran di Nusantara tidak begitu menonjol berbanding dengan disiplin ilmu al-Quran yang lain seperti Ilmu Tajwid, Qiraat, Tafsir dan lain-lain berdasarkan kepada pengamalan ilmu ini yang lebih kepada penyampaian secara lisan berbanding dengan penulisan. Ini dapat dilihat melalui penghasilan karya-karya dalam bidang ini melalui himpunan nota-nota kuliah para qari yang tidak diterbitkan seperti Tuan Haji Muhammad Yusuf Kedondong, Tuan Haji Musa Mahmud dan Tuan Haji Ahmad Ma'sum Pergau (Nik Ja'far Bin Nik Ismail, 1998). Manakala di Indonesia makalah yang dihasilkan oleh beberapa qari seperti Haji Thoha Hassan, Haji Dzul Hilmi serta Dr. Syed Agil al-Munawwir (Misbahul Munir, 2005).

Menurut catatan karya pertama yang diterbitkan di Nusantara yang menyentuh tentang seni lagu al-Quran ialah karya penulisan Syeikh Muhammad Salleh Zainal Abidin al-Fatani iaitu Siraj al-Qari yang diterbitkan pada tahun 1938 oleh syarikat al-Nahdiyy Wa Awladuhu yang berpusat di Thailand. Kesenambungan daripada karya penulisan ini muncullah beberapa penulisan yang berikutnya yang berkaitan dengan disiplin ilmu ini seperti karya penulisan Syeikh Abdullah al-Qari bin Haji Salleh yang berjudul Kursus Qari dan Qariah pada tahun 1972 melalui percetakan Aman Press Sdn. Bhd, karya Dato' Haji Nik Ja'far Nik Ismail yang berjudul Qawaid Tarannum yang diterbitkan oleh syarikat Darul Fikir pada tahun 1998, karya penulisan Mohd Ali Abu Bakar pada tahun 1990 melalui syarikat percetakan yang sama.

Di Indonesia pula beberapa karya dikenalpasti yang diterbitkan antaranya ialah Ilmu Nagham al-Quran oleh Kiyai Haji Muhsin Salim pada tahun 2000 melalui percetakan PT. Kebayoran Widya Ripta dan karya penulisan Misbahul Munir yang berjudul Ilmu & Seni Qiro'atil Quran yang diterbitkan pada tahun 2005 melalui syarikat percetakan Binawan di Semarang.

### **KARYA SENI LAGU AL-QURAN DI NUSANTARA**

Berikut adalah beberapa karya seni lagu al-Quran yang diterbitkan di Nusantara:

#### **1. Kursus Qari dan Qariah**

Karya ini telah dihasilkan oleh Syeikh Abdullah al-Qari bin Haji Salleh<sup>1</sup> pada tahun 1972 di Kelantan yang mempunyai 236 halaman. Penulisan karya ini merupakan penerapan ilmu yang

---

<sup>1</sup> Beliau lahir pada pagi Ahad 23 Dzu Al-Qa'idah 1356 H. bersamaan 26 Disember 1937 M. diberi nama 'Abdullah Al-Qari (Pembaca terutama Al-Qur'an) oleh anak saudara Tuk Kenali, Tuan Guru Hi. Muhammad Jebeng, empat tahun sesudah pergininya Hj. Salleh tepi Jalan Kenali. Kenali, di Lot 1203 Kenali, Jalan Puteh, tidak jauh dari Maqam Tuk Kenali. Beliau dibesarkan dalam Pendidikan Islam, di mana bapanya Hj. Salleh B. Puteh (Ab. Latif) seorang guru Al-Qur'an di Pondok Kenali, murid tua Tuk Kenali; demikian juga ibunya Hj. Khadijah Bt. Abdullah, keluarga Tuk Kenali, mengajar Al-Qur'an kepada kanak-kanak di sebelah dapur rumahnya. Lokasi rumah di tepi Pondok Lorong

husus terhadap para pembaca al-Quran yang terdiri daripada golongan qari dan qariah. Hal ini dapat disingkap melalui penulisannya yang dibahagikan kepada dua topik utama iaitu:

- i. Membicारा hal berkaitan dengan Tajwid al-Quran
- ii. Membicारा hal berkaitan teknik bacaan al-Quran (Abdullah al-Qari Haji Salleh, 2002).

Perbincangan mengenai seni bacaan al-Quran atau *tarannum* secara khusus dalam buku ini dapat dilihat pada topik yang kedua sahaja yang bermula daripada halaman 161 hingga 178 di mana terdapat dua sub-topik berkaitan dengannya iaitu:

#### **a. Membaca Quran Dengan Berlagu**

Dalam sub-topik ini penulis banyak membawakan hadis-hadis berkaitan dengan keharusan membaca al-Quran dengan berlagu daripada pelbagai sumber rujukan disamping petikan beberapa ayat al-Quran yang bersesuaian dengan perkara yang diperbahaskan. Selain itu pandangan para ulama juga turut dimuatkan yang merangkumi pandangan *fuqaha*, *muhadithin* dan *mufassirin* dalam membicarakan hukum membaca al-Quran secara berlagu daripada perspektif Islam. Selain itu Syeikh Abdullah al-Qari turut menyatakan kesan dan pengaruh lagu dalam pembacaan al-Quran (Abdullah al-Qari Haji Salleh, 2002).

#### **b. Disekitar Lagu-Lagu Quran**

Sub-topik ini merupakan yang keenam dalam topik yang kedua di mana Syeikh Abdullah al-Qari memuatkan beberapa aliran lagu yang masyhur dalam pembacaan al-Quran seperti aliran *Hijazi* dan aliran *Misri*. Karya ini juga turut menjelaskan tingkatan suara yang bersesuaian dengan setiap lagu yang hendak dibaca supaya dapat menggambarkan pengertian atau maksud kandungan ayat-ayat al-Quran menjadi matlamat pengibadatan kepada Allah SWT.

---

Kubur Tuk Kenali menyebabkan beliau banyak dipengaruhi Pendidikan Pondok di samping Pendidikan Sekolah Melayu Kubang Kerian, Kota Bharu (1946-1951).Bakat 'Abdullah Al-Qari mula berminat membaca buku-buku serba bidang sejak di Darjah Lima Sekolah Rendah dengan membaca buku-buku Indonesia yang dipinjam daripada gurunya, cikgu Muhammad B. Abdullah dan buku-buku di bilik bacaan di sekolah termasuk buku Sains. Bakat beliau terserlah dikesan oleh gurunya, Cikgu Mahmud B. 'Abbas semasa beliau di Darjah Tujuh (Sekolah Menengah Melayu Tuk Pasir Pertama di Kelantan) di Sekolah Melayu Kota (Jelasin) – 1952 yang memuji dan tertarik kepada hasil karangannya di peringkat sekolah. Beliau memperoleh Sijil Pangkat Satu bagi kedua sekolah tersebut. Beliau memasuki Pondok Madrasah Al-Ahmadiyah Bunut Payung (1952) belajar pada Tuan Guru Hj. AbdullahTahir B. Hj. Ahmad tentang Tafsir Al-Qur'an dan pada Ustadz Hj. Ab. Rahman Al-Khudhri B. Ibrahim akan Al-Hadith. Gurunya yang berasal dari Pahang ini memberi galakan menulis di bidang agama. Mula membaca majalah-majalah agama dengan cara meminjam dan cuba menulis. Pada sebelah pagi beliau belajar di Darjah Tujuh. Awal 1953 beliau dilantik menjadi guru dalam usia 15 tahun dan bercanggah dengan hasratnya untuk menyambung pelajaran di Jaami' Merbau, K.Bharu (sempat belajar sehari). Pada suatu malam, beliau bermimpi berhadapan dengan wajah Nabi SAW yang bersabda, "Anta belajarlah Islam!" Beliau mula membeli kitab-kitab Arab dengan cara belajar sendiri dan berguru kepada murid-murid Tuk Kenali dan murid Tuk Khurasan (Ahli Hadith) dengan mempelajari Hadith, Ilmu Usul al-Tafsir, Usul al-Fiqh dan lain-lain. Dalam usia 15 tahun ini beliau mula menjadi guru, pengarang, penerbit (Pustaka ASA) dan pengedar. Kerja seharian beliau ialah mengajar dan mengarang buku sambil belajar agama. Bila sesuatu tajuk sudah difahami dengan baik, maka ia dijadikan buku dan disembarkan. Beliau berjaya memperoleh Sijil Kursus Persekolahan Melayu (T.U.O.S. : Perguruan – 1956) , Sijil Maktab Perguruan Bahasa '. Language Institute – 1959), SPM (1962); STP (penuh – 1974); juga Sijil Pra LINAS (Universitas Nasional Jakarta: Kuliah Bahasa dan Sastera-1974) dan kelayakan masuk ke Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri (Kuliah Usuluddin – 1974; seterusnya memasuki Universiti Malaya (1974-1977) dengan pencapaian Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian dan anugerah Mahasiswa Terbaik. Demi mematuhi arahan Nabi SAW tadi, maka sejak umur 15 tahun mula mempelajari dan mengkaji Islam serta menulisnya menjadi buku-buku bernilai sehingga masih kini (berusia lebih 70 tahun) berjaya menghasilkan lebih 300 karya sendiri dan terjemahan dalam berbagai bidang pengajian Islam, perubatan, umum, bahasa dan sastera; juga sajak berunsur Islam dalam bentuk buku biasa, kamus dan ensiklopedia. Dinukil daripada kertas kerja Seminar Pencinta Buku 2010 anjuran Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. <http://www.scribd.com/doc/37917220/Biodata-Ustaz-Abdullah-Al-Qari>.

## **2. Qawaid Tarannum**

Karya ini merupakan hasil penulisan Tuan Haji Nik Ja'far Nik Ismail<sup>2</sup> yang dihasilkan pada tahun 1997 dan diterbitkan setahun berikutnya oleh syarikat percetakan Darul Fikir. Karya ini mempunyai 175 halaman bercetak dan merupakan rujukan utama dalam seni lagu al-Quran di Malaysia daripada pelbagai peringkat pengajian yang berkaitan dengan disiplin ilmu ini (Mohd Sujairi Makhtar, 2010).

Karya penulisan ini terbahagi kepada empat topik utama manakala aspek seni lagu atau tarannum merupakan suatu bab sahaja. Namun begitu pengisiannya adalah padat dan memenuhi aspek yang diperbincangkan dalam disiplin ilmu ini. Hal demikian dapat dilihat dalam kandungan karya ini khususnya berkaitan senilagu al-Quran pada topik yang ketiga yang menyentuh tentang pengenalan tarannum, ciri-ciri tarannum yang muktabar, sejarah umum mengenai tarannum, pemodenan tarannum arab, peranan dan pemanjangan budaya tarannum bi al-Quran, sejarah tarannum di kepulauan Melayu, falsafah serta peranan bacaan al-Quran dengan berlagu, asas tarannum Hijazi dan Misri, sistem tarannum di Malaysia serta pengenalan setiap lagu-lagu yang terdapat dalam pembacaan al-Quran yang terdiri daripada sifat, peranan serta sejarahnya. Tuan Haji Nik Ja'far Nik Ismail juga turut menyentuh tentang fungsi tarannum al-Quran, kategori, penyusunan tarannum yang berkesan dan teknik persembahan.

## **3. Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia**

Karya ini merupakan hasil penulisan Md Ali Abu Bakar<sup>3</sup> yang diterbitkan oleh Darul Fikir Sdn. Bhd. di mana cetakan awalnya bermula pada tahun 1990 dan kemudian diulang cetak pada tahun 1997 yang mempunyai 192 halaman bercetak (Mohd 'Ali Abu Bakar, 1997).

Karya penulisan ini merupakan karya berkaitan dengan seni bacaan al-Quran atau tarannum yang lengkap di mana kandungannya itu memfokuskan kepada disiplin ilmu tarannum yang membincangkan seni lagu al-Quran, seni suara lagu al-Quran, syarat-syarat seni lagu al-Quran, pembahagian seni lagu al-Quran, perkembangan seni lagu al-Quran, tokoh-tokoh lagu al-Quran mengikut negeri di Malaysia, peranan lagu terhadap pembacaan al-Quran serta sejarah Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia (Nur Azilah Azib, 2010).

Dalam perbincangan seni lagu al-Quran, Md Ali Abu Bakar cuba mengengahkan beberapa teori yang berkaitan dengan seni lagu al-Quran yang dinukil daripada beberapa tokoh yang terkenal. Manakala dari sudut seni suara pula beliau mengemukakan beberapa cara atau kaedah untuk meperelokkan suara, penjagaan dan latihan pengawalan nafas, tingkatan suara serta peranannya di samping memberi beberapa tip atau petua berkaitan dengan suara ketika membaca al-Quran.

---

<sup>2</sup> Haji Nik Jaafar Nik Ismail dilahirkan pada tahun 1936 di Kampung Kerasak, Pasir Mas, Kelantan. Beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Pondok Madrasah Muhammadiyah Kubang Bemban, Pasir Mas, Kelantan. Dalam masa yang sama beliau mendalami pengajian al-Quran dengan datuknya Haji Mohd Yusuf kedondong (Qari Di Raja Kelantan), Haji Che Musa Mahmud dan Haji Ahmad Ma'sum Pergau (johan qari antarabangsa pertama). Berkhidmat sebagai guru agama Kerajaan Kelantan dan Kementerian Pelajaran Malaysia selama dua puluh tahun di samping terlibat membentang kertas-kertas kerja mengenai tarannum bi al-Quran peringkat kebangsaan Malaysia, menjadi penyarah kursus metodologi pengajaran dan pembelajaran al-Quran kementerian dan ahli panel penulisan kurikulum dan buku tarannum bi al-Quran kelas kemahiran membaca al-Quran kementerian. Mulai tahun 1983 beliau dilantik menjadi hakim majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan Malaysia. Beliau juga diundang menjadi juri musabaqah tilawah al-Quran peringkat Asean dan negara Thailand. Pada tahun 1993 sehinggalah ke hari ini beliau dilantik menjadi hakim majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa (MTQ). Beliau juga diundang membentangkan kertas kerja dan menyampaikan kursus-kursus mengenai tarannum bi al-Quran hingga ke Negara Brunei Darus Salam, Thailand dan Singapura. Pada tahun 1995 bersempena dengan sambutan maulidur Rasul 1416, beliau dianugerahkan sebagai Tokoh Kecemerlangan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung Malaysia.

<sup>3</sup> Tiada maklumat lengkap mengenai biodata penulis. Berdasarkan kepada kata pengantar dalam karya beliau hanya meletakkan Maktab Perguruan Islam Bangi sebagai tempat penulisan karya ini.

#### 4. Ilmu Naghham Al-Quran

Ilmu Naghham al-Quran merupakan sebuah karya asli hasil penulisan Kiyai Haji Muhsin Salim<sup>4</sup>. Karya ini merupakan panduan kepada semua qari dan qariah untuk mempelajari kaedah-

<sup>4</sup> Muhsin Salim dilahirkan pada 21 April 1950 di Serengat Praya Lombok Tengah, Indonesia. Beliau mendapat pendidikan awal ketika berumur empat tahun daripada ayahnya Tuan Guru KH. Muhammad Salim dan ibunya Hj. Mahyuni binti Hj. Usman. Beliau juga mempelajari al-Quran bersama beberapa orang tokoh al-Quran seperti al-Marhum Ustaz Zainal Abidin, Ustaz Hj Muhammad Syahdan Abdus Salam serta lain-lainnya di Majlis Ta'lim al-Quran Asy-Syar'iyah Serengat Praya. Pada tahun 1962, beliau belajar di SR NO 2 pada waktu pagi dan di sebelah petangnya beliau belajar di Madrasah Ibtidaiyah Asy-Syar'iyah Praya. Pada tahun 1968, beliau melanjutkan persekolahan untuk tahun enam di pesantren Nurul Yaqin NW Karang Lebah Prayakemudian melanjutkan pelajarannya ke peringkat Ma'had (Akademi) iaitu Ma'had Darul Quran wal Hadis pada tahun 1971. Minat dan kesungguhan yang mendalam dalam menuntut ilmu agama mendorong ayah beliau menghantar KH. Muhsin untuk belajar kitab-kitab lama di bawah asuhan beberapa ulama tersohor seperti:

- i. KH. Lalu Subakti pakar dalam bidang Nahu Sorof dan Balaghah.
- ii. KH. Ibrahim Lomban dan KH. Masmu pakar dalam bidang Nahu, Fiqh dan Tafsir.
- iii. KH. Najamuddin Ma'mun pakar dalam bidang Hadith dan Tasawwuf.
- iv. KH. Mu'adz Abdul Halim pakar dalam bidang ilmu Kalam.
- v. KH. Muhammad Katsiran Ihsan pakar dalam bidang Fiqh dan Bahasa Arab.

Pada tahun 1972, beliau melanjutkan pelajaran di Fakulti Syariah Perguruan Tinggi Ilmu al-Quran (PTIQ) di Jakarta. Pada tahun 1975, beliau memperoleh gelaran Sarjana Muda PTIQ dengan tajuk tesisnya "*Ahammiyyatu l'Imit Tajwid wal Qiraat fi Qiraatil Quran*". Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya di perguruan tinggi yang sama dengan tesisnya bertajuk "*Awjuhu Qiraatil Quran wa Atsaruhaa fi Istinbatil Ahkam*", dan ujian akhir menghafal al-Quran beliau meraih Sarjana Lengkap PTIQ di Jakarta pada tahun 1980. Beliau kemudian melanjutkan pelajarannya ke S2 Jurusan Ulumul Quran dan Ulumul Hadis di Institut Ilmu al-Quran (IIQ) di Jakarta. Ketika beliau masih bergelar mahasiswa PTIQ, beliau terus mendalami kitab-kitab lama dengan sejumlah ulama' lain antaranya:

- i. Prof. KH. Ibrahim Husein, L. ML Rektor PTIQ Jakarta dalam bidang Fiqh.
- ii. Prof. DR. Muhibbudin Wali, MA Guru Besar PTIQ Jakarta dalam bidang Usul Fiqh.
- iii. Prof. KH. Nurasyik MA, Guru Besar PTIQ dalam bidang Tafsir.
- iv. KH. Zainuddin Mansur MA dalam bidang Ilmu Kalam dan Ilmu Balaghah.
- v. Syeikh Abdul Qadir Abdul Azhim Abdul Barri, Guru Besar PTIQ dari Mesir dalam bidang Qiraat tujuh dan sepuluh serta Ilmu Naghom al-Quran.
- vi. Syeikh Sa'id Sayyid Syarif, Guru Besar PTIQ dari Mesir dalam bidang Qiraat tujuh dan ilmu Naghom al-Quran.

Melalui musyafahah dan talaqqi daripada dua ulama Qiraat ini beliau mendapat sanad Qiraat tujuh dan sepuluh baik *Thariq Asy Syathibiyyah*, *Thariq Asy Syathibiyyah wad-Durrah* serta *Thariq Thayyibatun Nasyr*.

Semasa tahun ketiga beliau di PTIQ, beliau telah dilantik sebagai Penolong Guru Besar dalam bidang Ilmu Naghom dan Tilawah di PTIQ pada tahun 1975-1978. Pada tahun 1976-1979, beliau dilantik menjadi Guru Besar di IIQ Jakarta dalam bidang yang sama. Pada tahun 1981-1984, Muhsin Salim dipertanggungjawabkan sebagai Setiausaha Lembaga Pengembangan Tilawatil Quran sekaligus pelatih Qari Qariah NTB. Diikuti dengan jawatan-jawatan berikut:

- i. Menjadi setiausaha dan anggota Komisi Fatwa MUI NTB (1982-1984).
- ii. Mendirikan Taman Pendidikan al-Quran Masjid Raya at-Taqwa Mataram (1982-1984).
- iii. Ketua Department Cendekiawan Organisasi Gakari NTB (1982-1985).
- iv. Guru Besar IAIN Mataram bidang Ilmu Tafsir (1982-1984).
- v. Beliau pindah ke Jakarta dan menjadi Guru Besar tetap di PTIQ Jakarta pada tahun 1986 sehingga sekarang.
- vi. Ketua LP3M PTIQ Jakarta (1993-1998).
- vii. Wakil Direktor bidang Dirasah Islamiyyah pada Pendidikan Kader Mubaligh (PKM) KODI DKI Jakarta (1996-sekarang).
- viii. Anggota kerja Ahli Lembaga Bahasa dan Ilmu al-Quran DKI Jakarta (1996-sekarang).
- ix. Ketua Jurusan Pengajaran al-Quran di Lembaga Bahasa dan Ilmu al-Quran (LBIQ DKI Jakarta) (1997-sekarang).
- x. Instruktur al-Quran pada Pendidikan Kaderisasi Instruktur al-Quran LBIQ DKI Jakarta (1996-sekarang).
- xi. Guru Besar Ilmu Qiraat dan Ilmu Tafsir pada Jurusan Tafsir Hadis IAIN Jakarta (1993-1995).
- xii. Guru besar bagi Ilmu Qiraat dan Naghomul Quran IIQ Jakarta (1998-1993).
- xiii. Instruktur al-Quran pada Daurah Tilawatil Quran Masjid al-Azhar (1999-sekarang).
- xiv. Instruktur dan Pembina Imam-Imam Masjid Istiqlal (1998-sekarang).
- xv. Ketua Ikatan Persaudaraan Haji Indonesia (IPHI) Jakarta Selatan (1998-sekarang).
- xvi. Pengasuh Acara Belajar Membaca al-Quran di TPI (1993-sekarang).

kaedah membaca al-Quran dengan lagu yang telah di tetapkan mengikut kaedah seni baca al-Quran (SBA) di Indonesia (KH. Muhsin Salim : 2004).

Karya ini mula diterbitkan pada bulan Oktober 2000 kemudian diulang cetak pada Mei 2004 oleh syarikat percetakan PT. Kebayoran Widya Ripta. Penulisan karya ini mempunyai 117 halaman bercetak dan terbahagi kepada 45 topik dan subtopik (KH. Muhsin Salim, 2004).

Kiyai Haji Muhsin Salim memulakan penulisan karya dengan perbincangan mengenai pengertian naghah Quran serta sejarah kewujudan lagu-lagu al-Quran. Selain itu perbincangan juga turut menyentuh versi-versi lagu al-Quran, perkembangan seni al-Quran di Mesir dan penularan versi atau aliran ini ke Indonesia. Selain itu karya ini juga turut mengenengahkan lagu-lagu utama dalam seni lagu al-Quran serta kaedah praktikal setiap lagu berdasarkan kepada kaedah maqro. Kaedah ini dipraktikkan melalui beberapa ayat yang berkaitan dengan beberapa peristiwa seperti nuzul al-Quran, Isra' dan Mikraj dan lain-lain.

## PENUTUP

Penulisan karya seni lagu al-Quran merupakan suatu pemangkin kepada disiplin ilmu ini untuk terus berkembang selari dengan ilmu yang lain seterusnya melakar transformasi pengajian seni lagu itu sendiri di Nusantara bermula di peringkat rendah hinggalah di peringkat pengajian tinggi. Ini akan memberi satu kesan yang positif kepada pengetahuan masyarakat dalam membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian.

## RUJUKAN

- Abdullah al-Qari Hj Salleh. 2002. *Kursus Qari dan Qariah*. Cet. 26. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Nik Ja'far Bin Nik Ismail. 1998. *Qawaid Tarannum*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- KH. Muhsin Salim. 2004. *Ilmu Nagham al-Quran*. Cet. 2. Indonesia: Pt.Kebayoran Widya Ripta.
- Lembaga Bahasa Dan Ilmu Al-Quran (LBIQ) DKI Jakarta. 1987. *Belajar Membaca Al-Quran Dengan Lagu*. T.tp: T.pt.
- Misbahul Munir. 2005. *Ilmu & Seni Qiro'atil Qur'an*. Cet. 1. Indonesia: Binawan Semarang.
- Mohd 'Ali Bin Abu Bakar. 1997. *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Mohd Sujairi Makhtar. 2010. *Involment And Contribution of Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail In Tarannum*. Academic Project Report. USIM: Faculty of Quranic and Sunnah Studies.
- Muhammad Salleh Zainal Abidin al-Fataniyy. 1938. *Siraj al-Qariyy*. Cet. 1. Thailand: Maktabah Wa al-Matba'at al-Nahdiyy Wa Awladuhu.
- Nur Azilah Azib. 2010. *The Writing Methodology of the Book "Seni Lagu Al-Quran di Malaysia"*. Academic Project Report. USIM: Faculty of Quranic and Sunnah Studies.

- 
- xvii. Instruktur PAP Mental Keagamaan Majlis Ulama' Indonesia (MUI) untuk Tenaga Kerja Indonesia (TKI) 1999-sekarang.
- xviii. Anggota Komisi Fatwa PERTI Pusat (1998-sekarang).
- xix. Penulis juga aktif pada kegiatan MTQ baik tingkat DKI, Nasional bahkan International sebagai Ketua Delegasi sekaligus peserta Hafiah Tilawatil Quran (HTQ) di Turki dan meraih medal emas, Official dan pelatih Qari/Hafiz Indonesia pada MTQ di Mesir dan lain-lain.